



**KAMARUZAMAN (kiri) memakaikan jubah kepada Harun (kedua kanan) sambil disaksikan Pendaftar Datuk Abdullah Mohd Said (kanan).—Gambar oleh Sherell Ann Jeffrey**

*DE 19.06.2012 3*

## Harun dilantik Naib Canselor baru UMS

**KOTA KINABALU:** Prof Dr Mohd Harun Abdullah menjadi anak kelahiran Sabah yang kedua dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menggantikan Datuk Dr Kamaruzzaman Ampon.

Pada majlis penyerahan tugas itu di sini pada Isnin, Dr Mohd Harun, 51, berkata beliau akan memegang jawatan itu berkuat kuasa pada Isnin bagi tempoh tiga tahun, dan boleh dilanjutkan untuk tempoh setahun lagi.

“Bila tiba masanya saya akan pergi dan saya tidak akan minta khidmat saya dilanjutkan.

“Sebagai seorang naib canselor, saya memikul tugas berat dan ini bukannya tugas mudah sepertimana tanggapan ramai orang. Saya berdoa diberikan kekuatan dan mendapat sokongan daripada semua orang,” katanya.

Dr Mohd Harun, yang berasal dari

Menggatal, dekat sini dan merupakan dekan Fakulti Sains dan Teknologi UMS dari 2008 hingga 31 Julai tahun lepas, menggesa staf akademik untuk bekerja sebagai satu pasukan untuk membawa universiti itu ke peringkat lebih tinggi serta mengekalkan keharmonian di kampus.

Sementara itu, Dr Kamaruzaman dalam ucapan perpisahannya berkata beliau berasa lega setelah melepaskan jawatan itu dan berterima kasih kepada sokongan yang diberikan rakan dan staf dalam membantu beliau menangani pelbagai cabaran sepanjang khidmatnya.

Katanya beliau gembira kerana akhirnya boleh berehat dan menghabiskan masa bersama keluarga selepas bekerja selama 33 tahun.

“Namun saya akan terus berada di sini untuk meneruskan penyelidikan demi faedah universiti,” katanya.—Bernama